



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### PENARIKAN BALIK PERINTAH TAHAN PELEPASAN (WRO) KE ATAS SUPERMAX CORPORATION BHD.

---

1. Seperti yang dilaporkan oleh media *Free Malaysia Today (FMT)* pada 20 September 2023, Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP) telah **menarik balik Perintah Tahan Pelepasan (*Withhold Release Order: WRO*)** yang dikenakan ke atas produk keluaran Supermax Corporation Bhd dan tiga anak syarikatnya pada **21 Oktober 2021**. Penarikan balik WRO ini dibuat setelah usaha-usaha penambahbaikan dilakukan oleh syarikat dalam membasmi elemen-elemen buruh paksa yang telah dikenalpasti oleh US CBP.
2. Perintah WRO ini dikenakan oleh US CBP pada masa tersebut berdasarkan bukti yang menunjukkan wujud 10 daripada 11 indikator amalan buruh paksa dalam operasi pengeluaran produk sarung tangan getah oleh syarikat terbabit. Antara kesalahan yang dikenalpasti termasuklah pemotongan gaji secara tidak sah, kemudahan penginapan yang tidak kondusif dan lain-lain.
3. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia sentiasa komited dalam memerangi amalan buruh paksa di Malaysia dan tidak akan berkompromi dengan sebarang pelanggaran undang-undang oleh mana-mana entiti di Malaysia.
4. Usaha dan komitmen Kementerian ini diperkukuhkan melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Nasional Berhubung Buruh Paksa (NAPFL), ratifikasi Protokol 29 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan pindaan undang-undang perburuhan.

5. Justeru, Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung (JTKSM) telah melaksanakan beberapa siri pemeriksaan berkanun ke atas syarikat tersebut. Tindakan ini adalah perlu bagi memastikan pematuhan undang-undang perburuhan dilakukan oleh syarikat terutama dalam aspek pembayaran gaji, pematuhan waktu bekerja termasuk kerja lebih masa, mematuhi kontrak perkhidmatan dan menyediakan penginapan yang kondusif.
6. Hasil pemeriksaan mendapati majikan telah melaksanakan *remediation plan* yang melibatkan 1,957 orang pekerja asing berjumlah RM25.67 juta. Selain itu, pihak JTKSM juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama majikan bagi membincangkan langkah-langkah penambahbaikan yang telah dan bakal dilakukan oleh pihak syarikat dalam menangani perkara ini.
7. Usaha dan inisiatif berterusan yang diambil oleh syarikat di samping tindakan penguatkuasaan oleh Kementerian melalui JTKSM telah berjaya meyakinkan pihak US CBP untuk menarik balik WRO ke atas Supermax Corporation Bhd dan anak syarikatnya (Glove Manufacturing Sdn Bhd, Maxter Glove Manufacturing Sdn Bhd dan Maxwell Glove Manufacturing Bhd). Sehubungan itu, syarikat tersebut telah dibenarkan untuk menyambung semula eksport sarung tangan getah ke pasaran Amerika Syarikat **berkuatkuasa 18 September 2023**.
8. Malaysia amat lega dengan penarikan semula perintah ini dan berharap ia antara langkah yang akan membuka ruang pelaburan lebih luas kepada negara dan juga syarikat terbabit akan terus menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi negara.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
23 SEPTEMBER 2023**